

NO. SOALAN: 319

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

RUJUKAN : 8031

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk memasang kamera di kereta peronda dan badan anggota PDRM ketika membuat rondaan atau operasi.

JAWAPAN:

Pihak PDRM belum bercadang untuk memasang kamera pada kereta dan badan anggota ketika membuat rondaan atau operasi dalam tempoh yang terdekat ini. Walau bagaimanapun, ada sesetengah operasi yang dijalankan anggota polis ketika ini dibekalkan dengan kamera untuk merakam peristiwa yang berlaku ketika operasi dilaksanakan. Cadangan untuk memasang pada badan dan kereta akan diambil maklum dan kajian yang menyeluruh terpaksa dibuat terlebih dahulu dari segi kesesuaiannya memandangkan peralatan di badan dan kenderaan yang dibawa atau dipasang waktu ini cukup banyak. Selain kajian tentang kesesuaian, kajian yang dibuat juga terpaksa mengambil kira bebanan kewangan Kerajaan yang memerlukan peruntukan yang besar untuk pembelian dan penyelenggaraan peralatan tersebut.

SOALAN (320)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]

SOALAN :-

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai fasiliti dan kemudahan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) yang sudah siap dibina oleh Majlis Perbandaran Muar (MPM) bagi tahun 2013-2015 mengikut jenis dan kategori, bilangan serta lokasi dan kos.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan daripada maklumbalas yang diterima, pihak Majlis Perbandaran Muar telah melaksanakan kerja-kerja ubahsuai kepada bangunan sedia ada bagi memenuhi keperluan kemudahan akses kepada golongan Orang Kekurangan Upaya (OKU) seperti tandas, laluan *ramp*, *handrail* serta parkir OKU di Majlis Perbandaran Muar dan Terminal Bentayan Muar dari tahun 2013 sehingga 2015.

Pihak Kementerian melalui Jabatan Kerajaan Tempatan juga ada menyediakan peruntukan di bawah program mengubahsuai kemudahan sedia ada kepada mesra OKU dan terbuka kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membuat permohonan dengan keutamaan kepada PBT yang mempunyai bilangan OKU yang lebih ramai.

Sukacita dimaklumkan, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar,

Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM45,000.00 untuk tahun 2015 bagi kerja naik taraf kemudahan akses OKU di Perhentian Bas Maharani, Muar bagi pembinaan laluan *ramp*, *handrail* serta parkir OKU. Kerja-kerja ini dijangka dapat disiapkan pada Oktober 2015.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015